





STATISTIK KECENDERUNGAN PERNIAGAAN SUKU TAHUNAN KEDUA 2025




SENTIMEN PERNIAGAAN KEKAL OPTIMISTIK PADA SUKU KEDUA 2025, DICERMINKAN OLEH PETUNJUK KEYAKINAN POSITIF +2.0 PERATUS.


PETUNJUK KEYAKINAN MALAYSIA



IMBANGAN BERSIH MALAYSIA



PENUNJUK KEYAKINAN MENGIKUT NEGERI SUKU TAHUN KEDUA 2025




*Pertanian, Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik & Air

** Penginapan, Pengangkutan & Penyimpanan, Komunikasi, Kewangan, Insurans, Hartanah, Teknologi Maklumat & Komunikasi, Makanan & Minuman, Pentadbiran dan Sokongan, Profesional, Kesihatan, Pendidikan dan Perkhidmatan Lain

Sumber: Statistik Kecenderungan Perniagaan Suku Pertama 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

PETUNJUK KEYAKINAN SUKU TAHUNAN, MALAYSIA 2019-2025



Sentimen perniagaan kekal optimistik pada suku kedua 2025, dicerminkan oleh petunjuk keyakinan positif +2.0 peratus

- Peniaga terus menjangkakan persekitaran perniagaan yang menggalakkan pada suku kedua 2025, disokong oleh petunjuk keyakinan yang positif +2.0 peratus, yang mencerminkan sentimen optimistik berterusan berbanding +3.2 peratus pada suku sebelumnya.
- Perkhidmatan, Pembinaan dan Industri merupakan sektor yang menjangkakan keadaan perniagaan yang stabil pada suku kedua 2025. Keyakinan dalam sektor Perkhidmatan kekal positif dengan petunjuk keyakinan +6.9 peratus, berbanding +13.5 peratus pada suku sebelumnya. Pada masa yang sama, sentimen dalam sektor Pembinaan kekal menggalakkan dengan +4.6 peratus berbanding +12.5 peratus pada suku pertama 2025. Sementara itu, sektor Industri terus menunjukkan prospek perniagaan yang optimistik dengan petunjuk keyakinan meningkat kepada +1.9 peratus berbanding +0.2 peratus pada suku sebelumnya. Sebaliknya, sentimen dalam sektor Perdagangan Borong dan Runcit menunjukkan keadaan pesimis, dengan petunjuk keyakinan -6.7 peratus pada suku kedua 2025 daripada -8.1 peratus sebelumnya.
- Dalam perspektif prospek perniagaan mengikut negeri pada suku kedua 2025, petunjuk keyakinan menunjukkan prestasi yang bercampur dalam kalangan negeri-negeri di Malaysia. Negeri yang mencatatkan sentimen optimis adalah Johor (+1.5%), Kedah (+4.3%), Perlis (+3.5%), Terengganu (+18.0%), W.P. Kuala Lumpur (+0.9%) dan W.P. Putrajaya (+3.7%). Namun begitu, sebahagian besar negeri menunjukkan sentimen pesimis, iaitu Kelantan (-7.8%), Melaka (-2.0%), Negeri Sembilan (-1.2%), Pahang (-4.5%), Pulau Pinang (-5.1%), Perak (-6.3%), Selangor (-1.2%), Sabah (-0.3%), Sarawak (-2.9%) dan W.P. Labuan (-3.9%).
- Melihat ke hadapan untuk tempoh April hingga September 2025, tinjauan perniagaan secara keseluruhan terus mencerminkan sentimen yang positif dengan imbalan bersih sebanyak +10.9 peratus, berbanding +11.9 peratus yang direkodkan sebelum ini. Sentimen dalam sektor Perkhidmatan kekal kukuh dengan imbalan bersih +18.3 peratus, sejajar dengan suku sebelumnya. Sektor Pembinaan menjangkakan prospek yang optimistik dengan imbalan bersih +13.1 peratus berbanding +12.5 peratus bagi tempoh yang sama. Begitu juga, sektor Industri menjangkakan keadaan perniagaan yang menggalakkan dengan petunjuk keyakinan meningkat kepada +12.0 peratus daripada +6.8 peratus sebelum ini. Sebaliknya, sektor Perdagangan Borong dan Runcit mencerminkan sentimen yang lebih berhati-hati dengan merekodkan tahap keyakinan yang sederhana terhadap jangkaan perniagaan bagi enam bulan akan datang.

